

D217

B B907 DEB

MAHATHIR - PILIHAN RAYA R R R

(I)

LABUAN, 18 APRIL (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD MASIH MEMBISU MENGENAI TARIKH PILIHAN RAYA UMUM AKAN DATANG TETAPI MEMBAYANGKAN HARI INI BAHAWA IA TIDAK AKAN DIADAKAN DALAM SEDIKIT MASA INI.

+SAYA TIDAK MEMBUAT KEPUTUSAN SENDIRI, SAYA PERLU BERUNDING DENGAN ORANG-ORANG LAIN. IA AKAN MENGAMBIL MASA,+ KATANYA APABILA DITANYA OLEH PARA PEMBERITA SAMA ADA BELIAU TELAH PUN MENENTUKAN TARIKH PILIHAN RAYA UMUM SELEPAS LAWATANNYA KE SELURUH NEGARA.

+KITA TIDAK TERGESA-GESA,+ KATANYA PADA PERSIDANGAN AKHBAR PADA AKHIR LAWATAN RASMINYA DUA HARI KE SINI.

LABUAN MERUPAKAN PERINGKAT TERAKHIR LAWATANNYA KE SELURUH NEGARA UNTUK MENEMUI RAKYAT DAN PEMIMPIN BARISAN NASIONAL.

AKHBAR TELAH MERAMALKAN BAHAWA PILIHAN RAYA AKAN DIADAKAN PADA MINGGU PERTAMA BULAN DEPAN SEBELUM AWAL BULAN PUASA DAN PARLIMEN AKAN DIBUBARKAN SAMA ADA HARI INI ATAU ESOK.

HARI INI IALAH HARI TERAKHIR SESSI PERSIDANGAN PARLIMEN SEKARANG.

RAMALAN ITU MEMUNCIAK SELEPAS DATUK SERI DR MAHATHIR DIPERKENANKAN MENGADAP YANG DI-PERTUAN AGONG DI ISTANA BUKIT SERENE DI JOHOR BAHRU SEMALAM. -- LAGI

1859MST 18 04 86

B B913 AAB

MAHATHIR - PILIHAN RAYA 2 LABUAN R R R

(I)

APABILA DITANYA BILA PARLIMEN AKAN DIBUBARKAN, PERDANA MENTERI BERKATA IA AKAN DIBUBARKAN +APABILA KITA HENDAK MENGADAKAN PILIHAN RAYA.+

MENGENAI SAMA ADA SEKARANG MERUPAKAN MASA YANG SESUAI UNTUK MENGADAKAN PILIHAN RAYA, DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA PERKARA-PERKARA YANG PERLU PENJELASAN TELAH PUN +DIJELASKAN.+

BELIAU BERKATA AKHBAR TELAH MERAMALKAN DAN MEMBUAT PENGIRAAN MENGENAI TARIKH PILIHAN RAYA UMUM YANG MENURUT PENDAPATNYA +TIDAKLAH SALAH+ BERBUAT DEMIKIAN.

PERDANA MENTERI MENAMBAH BAHAWA AKHBAR +MERAMALKAN+ PILIHAN RAYA TIDAK AKAN DIADAKAN SEMASA BULAN PUASA, MUSIM HUJAN ATAU HARI RAYA.

MENGENAI KHABAR ANGIN BAHAWA BARISAN NASIONAL MUNGKIN MEMBUAT KEPUTUSAN MENGADAKAN PILIHAN RAYA PARLIMEN DAHULU DAN MENANGGUHKAN PILIHAN RAYA NEGERI KEPADA TARIKH YANG AKAN DITETAPKAN KEMUDIAN, DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA: +SEGALA-GALANYA MUNGKIN.+ -- LAGI
1929MST 18 04 86

B B918 AAB

MAHATHIR - PILIHAN RAYA 3 LABUAN R R R

(I)

MENGENAI SPEKULASI BAHAWA MASA BERKEMPEN AKAN DIHADKAN KEPADA DUA MINGGU, BELIAU BERKATA BAHAWA INI JUGA MUNGKIN. BELIAU JUGA TIDAK DAPAT MENOLAK KEMUNGKINAN PILIHAN RAYA DIADAKAN PADA BULAN PUASA.

+SPEKULASI SEUMPAMA INI TIDAKLAH SALAH SELAGI IA TIDAK MEMBABITKAN PASARAN SAHAM. SAYA BERPENDAPAT SEMUA ORANG BOLEH MEMBUAT RAMALAN MEREKA SENDIRI.+

BERHUBUNG DENGAN SOALAN BILA SPEKULASI ITU AKAN BERAKHIR, DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA: +APABILA KITA MENGUMUMKAN TARIKH PILIHAN RAYA.+

MENGENAI PERTEMUANNYA DENGAN YANG DI-PERTUAN AGONG, PERDANA MENTERI BERKATA PERKEMBANGAN ITU MERUPAKAN PERKARA BIASA KERANA MEMANDANGKAN SUDAH AGAK LAMA BELIAU TIDAK MENGADAP SERI PADUKA DAN LAGIPUN BANYAK HAL PENTADBIRAN YANG PERLU DILAPORKAN.

PERDANA MENTERI JUGA ENGGAN MEMBERITAHU SAMA ADA BELIAU MENIMBULKAN MENGENAI SOAL PEMBUBARAN PARLIMEN SEWAKTU MENGADAP YANG DI-PERTUAN AGONG TETAPI BERKATA BELIAU MENYERAHKANNYA KEPADA AKHBAR UNTUK MEMBUAT RAMALAN.

-- LAGI

1946MST 18 04 86

B B920 AAB

MAHATHIR - PILIHAN RAYA 4 LABUAN

(I)

SEMASA DITANYA BILA BELIAU AKAN MENEMUI PARA PEMIMPIN PARTI-PARTI KOMPONEN BARISAN NASIONAL BERHUBUNG DENGAN PILIHAN RAYA, DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA BELIAU HANYA AKAN BERBUAT DEMIKIAN APABILA BERPENDAPAT BELIAU SUDAH BERSEDIA UNTUK MENEMUI MEREKA.

PERDANA MENTERI JUGA YAKIN BAHAWA BN AKAN MENCAPAI KEMENANGAN PADA PILIHAN RAYA UMUM AKAN DATANG.

MENGENAI CALON KAWASAN PILIHAN RAYA BARU WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN, DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA AMAT WAJAR CALON BERKENAAN DIPILIH DARIPADA KALANGAN PEMIMPIN TEMPATAN.

MENGENAI PILIHAN RAYA NEGERI SABAH PADA 5 DAN 6 MEI INI, PERDANA MENTERI ENGGAN MERAMALKAN MENGENAI KEPUTUSANNYA TETAPI BERKATA +KITA TUNGGU DAN LIHAT.+

PERDANA MENTERI BERKATA BELIAU TIDAK TERLIBAT DALAM PEMILIHAN CALON-CALON BERJAYA UNTUK PILIHAN RAYA DAN MENAMBAH PARTI ITU BERTANDING DENGAN MENGGUNAKAN LAMBANGNYA SENDIRI.

BERJAYA IALAH PARTI KOMPONEN TUNGGAL BN DI SABAH.

MENGENAI JAWATAN TIMBALAN PERDANA MENTERI YANG DIKOSONGKAN OLEH DATUK MUSA HITAM PADA 16 MAC LEPAS, PERDANA MENTERI BERKATA BELIAU AKAN MENGISINYA APABILA SUDAH BERSEDIA UNTUK BERBUAT DEMIKIAN. --

BERNAMA

2004MST 18 04 86